

Urusan penghantaran pulang pelajar UMSKAL berjalan lancar

► Dari Muka 1

Katanya, urusan penghantaran pulang pelajar UMSKAL itu mendapat kerjasama daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan, Perbadanan Labuan, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Turut membantu UMSKAL ialah Malaysia Airport Berhad (MAB), Jabatan Imigresen, Kolej Matrikulasi Labuan, Sekolah Menengah

Sains Labuan dan SMK Labuan.

“Tidak lupa saya ucapkan terima kasih kepada pegawai, kakitangan dan pemimpin badan pelajar UMSKAL seperti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS),” katanya.

Beliau bagi pihak Naib Canselor UMS, Profesor Datuk ChM. Dr Taufiq Yap Yun Hin, menasihatkan pelajar agar terus mengikuti SOP yang ditetapkan kerajaan di kampung halaman masing-masing bersama keluarga

sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dilaksanakan bagi menangani penularan wabak COVID-19.

“Komitmen agensi kerajaan dan swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) terhadap pelajar UMSKAL itu amat kami hargai,” katanya.

Pengarah Majlis Keselamatan Negara, Wilayah Persekutuan Labuan, Nurzalizah Kartika Abdullah dan Ketua Polis Wilayah Persekutuan Labuan, Superitendan Muhammad Farid Ahmad turut memantau urusan penghantaran pulang pelajar UMSKAL.